

SYARAT-SYARAT KELULUSAN KERJA SUB-KONTRAK/FARM-OUT
Condition for Approval Sub-Contract Work/Farm-Out

1. Salinan asal surat kelulusan subkontrak ini hendaklah sentiasa digunakan semasa berurusan dengan pejabat Kastam.
The original copy of this letter of subcontract approval shall always be used when dealing with the Customs Department.
2. Syarikat hendaklah menyediakan buku stok khas bagi maksud untuk mencatatkan barang-barang yang hendak dipindahkan kepada syarikat subkontrak.
The company shall maintain a stock book specially to record moved to sub-contract.
3. Syarikat tuan bertanggungjawab untuk menentukan sebaik-baik sahaja bahan mentah/komponen itu sampai ke kilang subkontraktor, ianya disimpan di satu tempat (stor yang berasingan) yang selamat dan memuaskan. Jika bahan mentah/komponen perlu terus dihantar ke syarikat subkontraktor, GPB hendaklah menyatakan semasa membuat ikrar di stesen kastam bahawa bahan mentah/komponen itu akan terus dihantar ke kilang subkontraktor untuk tujuan pengilangan.
Your company is responsible to ensure only the raw materials / components sent to the subcontractor are stored in a secure place (a separate store). If the raw materials / components are to be sent to the subcontractor directly, the importer must declare to the customs station that the raw materials / components will be sent directly to the subcontractor for manufacturing.
4. Bagi subkontrak dalam negara, aktiviti-aktiviti yang dibenarkan adalah tidak boleh melebihi 50% nilai pengeluaran sebenar syarikat prinsipal.
For sub-contract work locally, manufacturer activity should not exceed 50% of actual production cost of principal.
5. Bagi subkontrak luar negara, aktiviti-aktiviti yang dibenarkan adalah tidak boleh melebihi 30% kos pengeluaran sebenar syarikat prinsipal. Sekiranya nilai tersebut melebihi 30%, syarikat hendaklah mendapatkan kelulusan/kebenaran terlebih dahulu daripada SME Corporation Malaysia sebelum diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam.
For subcontract outside the country, manufacturing activities cannot exceed 30% of actual production costs of principal. If the value exceeded 30%, the company needs to obtain approval from SME Corporation Malaysia before the DG's approval.
6. Pihak tuan bertanggungjawab untuk menentukan satu rekod disediakan oleh subkontraktor bagi mencatat semua penerimaan serta pergerakan bahan-bahan mentah/komponen. Jika subkontraktor menggunakan komponen yang dihasilkannya berserta dengan komponen-komponen yang dibekalkan oleh syarikat tuan, subkontraktor dan tuan hendaklah menyediakan penyata-penyata yang boleh disatukan.
The company is to ensure that the sub-contractor maintain a record to determining the records provided by record all receipts and movement of raw materials / components. If the subcontractor to use the components it produces along with the components supplied by your company, subcontractors, and you should provide statements that can be consolidated.
7. Syarikat subkontraktor tidak dibenarkan memberi subkontrak kepada syarikat lain. Ini bererti semua kerja hendaklah dilakukan dalam premis subkontraktor yang diluluskan sahaja.
A subcontractor is not allowed to subcontract further to other companies. This means that all work must be carried out in premises of approved subcontractor only.
8. Syarikat subkontraktor hendaklah memulangkan semula barang-barang yang telah siap diproses kepada syarikat tuan termasuk hampas (*wastage*) serta barang-barang yang rosak. Jika syarikat tuan berhasrat menjual atau mengeksport keluaran siap terus daripada premis syarikat subkontraktor, invois jualan atau borang eksport hendaklah menggunakan nama syarikat tuan.
The subcontractor shall return goods that have been processed together with the wastage and damaged goods. If your company intends to sell or export the finished product directly from the premises of a subcontractor, a sales invoice or an export declaration by your company is to be made.

9. Penyata bulanan bagi pergerakan/pemindahan untuk subkontrak yang telah disahkan oleh pengurus syarikat tuan hendaklah dikemukakan kepada pejabat ini tidak lewat daripada 28 hari bulan, bulan berikutnya.
A monthly statement for the movement / of good for subcontract works certified by the manager of your company is to be submitted to this office no later than the 28th day of the following month.
10. Pihak tuan dan subkontraktor hendaklah mencatatkan perkataan berikut pada borang/dokumen kastam bagi urusan kerja subkontrak ini.
You and subcontractors state the following statement in the form / document issued for sub-contract work.
- "Barang-barang yang diikrar diborang ini adalah untuk urusan kerja subkontrak mengikut surat kelulusan bil..... bertarikh..... bagi tempoh daripada..... hingga....."*
"The goods declared in this form is related to subcontract work in accordance with the approval letter ref: dated for the period to"
11. Syarikat tuan adalah bertanggungjawab memastikan bahan mentah/komponen yang dipindah itu digunakan untuk tujuan yang telah diluluskan sahaja. Sekiranya didapati berlaku apa-apa kehilangan barang ataupun jika ada apa-apa barang tidak dapat dikesan, syarikat tuan akan dikehendaki membayar balik duti/cukai yang sepatutnya dan juga dikenakan penalti mengikut Seksyen 133(1) dan 135(1) Akta Kastam 1967.
Your company is to ensure raw materials / components transferred / moved are used for the approved purposes only. Should there be any loss of the goods or if any items cannot be detected, your company will be required to pay the duty/tax and may be penalized in accordance with Section 133(1) and 135(1) of the Customs Act 1967.
12. Syarat-syarat di atas boleh dipinda, ditambah atau diubahsuai bila-bila masa jika didapati perlu.
The conditions above may be amended, added or modified at any time if necessary.
13. Pejabat ini boleh menarik balik/membatalkan kelulusan ini pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.
This Office may withdraw / cancel this approval at any time without giving any reason.